

14 JAN 1996

DR M SERTAI SIARAN LANGSUNG INTERNET DENGAN ARAFAT DAN RAMOS

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan berinteraksi secara langsung menerusi Internet dengan Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin Yasser Arafat dan Presiden Filipina Fidel Ramos Rabu ini.

Menurut satu kenyataan bersama Utusan Melayu (Malaysia) Berhad dan Asia Connect Sdn Bhd di sini hari ini, ketiga-tiga pemimpin itu akan bertukar-tukar pendapat untuk selama 10 minit.

Acara itu sempena pelancaran rasmi Utusan Malaysia Online, rangkaian jaring Kumpulan Utusan Melayu. Asia Connect merupakan pembekal perisian terkemuka Internet.

Dr Mahathir juga akan melancarkan MASSA, majalah mingguan Utusan.

Perdana Menteri merupakan pemimpin kerajaan pertama yang ditemubual secara langsung menerusi Internet bulan lepas. -- BERNAMA